

21 SEP 2002

REAKSI-MEF/I

PENGECCUALIAN CUKAI KHIDMAT PROFESIONAL DALAM KUMPULAN DISAMBUT BAIK

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) gembira dengan Bajet 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, khususnya pengecualian cukai perkhidmatan profesional yang diberikan kepada syarikat dalam satu kumpulan.

Pengarah eksekutif MEF, Shamsuddin Bardan, berkata langkah ini akan mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan meningkatkan kecekapan dan skala ekonomi.

MEF turut menyambut baik semakan cukai pendapatan ke atas ganti rugi kerana kehilangan pekerjaan di mana ganti rugi yang diterima oleh seorang pekerja yang diberhentikan atau menerima skim perpisahan sukarela (VSS) yang dikecualikan cukai pendapatan dinaikkan daripada RM4,000 kepada RM6,000 bagi setiap tahun perkhidmatan.

Ia akan menghapuskan beban yang ditanggung oleh pekerja berkenaan, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tumpuan Bajet kepada pembangunan kemahiran asas dari umur muda juga tepat kerana ia akan membantu pembangunan pakerja berpengetahuan dan mahir yang penting untuk mengadakan ekonomi berasaskan pengetahuan.

MEF turut memuji inisiatif untuk mengukuhkan kecekapan sektor awam bagi memastikan perkhidmatan yang pantas dan sikap pro-perniagaan dalam melaksanakan dasar dan prosedur.

Ia turut memuji langkah memotong cukai korporat bagi industri kecil dan sederhana (IKS) kepada 20 peratus walaupun had pendapatan bercukai RM100,000 untuk layak mendapatkan potongan ini adalah terhad.

Ia mungkin tidak cukup untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam IKS.

Shamsuddin juga menyatakan bahawa cukai korporat negara pada 28 peratus adalah agak tinggi berbanding negara lain di rantau ini.

Keupayaan negara untuk menarik pelaburan baru tempatan dan asing mungkin akan terjejas kerana tiada insentif keseluruhan yang signifikan yang ditawarkan, tambahnya. -- BERNAMA

SHI SD JR